



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI PERAK DAN KEDAH**

Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

No. Sebut Harga	Butir-Butir Sebut Harga	Tarikh & Tempat Taklimat/Lawatan Tapak	Kelas Pendaftaran	Dokumen Taklimat & Sebut Harga	Tarikh dan Masa Peti Tawaran Ditutup
JAKOA/PK/SH/56/2023	KERJA-KERJA PEMBINAAN JALAN LADANG (CRUSHER RUN) SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUNG ORANG ASLI BAWONG, SUNGAI SIPUT (U), DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK.	<p>Pendaftaran secara dalam talian:</p> <p>Pautan: <a href="https://forms.gle/srYmouVT6NuRoftYA">https://forms.gle/srYmouVT6NuRoftYA</a></p> <p>Tarikh/ Masa Dibuka: 13 SEPTEMBER 2023 (RABU) 12.00 TENGAHARI</p> <p>Tarikh/ Masa Ditutup: 14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS) 12.00 TENGAHARI</p>	<p>CIDB :</p> <p>Gred G1 (Daerah Kuala Kangsar)</p> <p>Kategori : CE (Kejuruteraan Awam)</p> <p>Pengkhususan : CE01 (Pembinaan jalan dan pavemen) CE21 (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)</p>	<p>Penyerahan Dokumen Sebut Harga &amp; Dokumen Taklimat akan diberikan melalui emel kepada kontraktor yang <b>LAYAK</b> sahaja.</p> <p><b>Tarikh penghantaran emel kepada syarikat:</b> 20 SEPTEMBER 2023 (RABU)</p>	<p><b>Tarikh / Masa Ditutup :</b> 27 SEPTEMBER 2023 (RABU) 12.00 TENGAHARI</p>

**Arahan dan Syarat-syarat Menyertai Sebut Harga :**

1. Kontraktor perlu mendaftar secara dalam talian melalui pautan yang disediakan di atas dan memuat naik Salinan dokumen bagi :
  - a) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ;
  - b) Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (STB) ;
  - c) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) ;
  - d) Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB ; dan
  - e) Kad pengenalan (I/C) Penama dalam Lesen.
  
2. Pendaftaran yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan serta melebihi tempoh masa pendaftaran yang ditetapkan di atas adalah **TIDAK LAYAK** menyertai tawaran ini. Jabatan berhak menolak pendaftaran yang tidak lengkap dan keputusan adalah muktamad.

3. Kontraktor yang tidak mempunyai kod bidang yang berkaitan dikehendaki memuat naik **SURAT KEBENARAN KHAS DARIPADA CIDB BAGI KOD BIDANG BERKAITAN SEWAKTU PENDAFTARAN ATAS TALIAN. KONTRAKTOR YANG MENGHANTAR RESIT PERMOHONAN KEBENARAN KHAS SAHAJA TIDAK AKAN DILAYAN.**
4. Dokumen sebut harga yang **LEWAT** tidak akan dipertimbangkan. Dokumen sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor sebut harga di sebelah atas kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di :

**JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI PERAK DAN KEDAH,  
TINGKAT 2, BLOK A, BANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,  
30000 IPOH, PERAK.**

5. Jika dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER**, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Bil.	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel	Bahagian
1	Puan Wan Rosmahairiza Binti Wan Ismail	05-2540009 ext : 116	<a href="mailto:rosmahairiza@jako.gov.my">rosmahairiza@jako.gov.my</a>	Unit Perolehan JAKOA Negeri Perak dan Kedah
2	Puan Hidayat Binti Pahmi	05-2540009 ext : 116	<a href="mailto:hidayat.pahmi@jako.gov.my">hidayat.pahmi@jako.gov.my</a>	
3	Encik Khirul Anuar Bin Ahmad	05-2540009 ext : 107	<a href="mailto:Khirul.anuar@jako.gov.my">Khirul.anuar@jako.gov.my</a>	Unit Pertanian JAKOA Negeri Perak dan Kedah

**\*Tarikh Iklan : 13 September 2023**